

**Dokumentasi Peralatan Budaya Makan Sirih ‘Selapa’
Etnik Bajau Sama’, di Kota Belud**
*The Documentation of ‘Selapa’, Betel Leaf Eating Culture Equipment
of Bajau Sama’ Ethnic in Kota Belud*

¹DAYANG NADIA MAWI

²HUMIN JUSILIN

¹&²Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS, Jln. UMS, 88400 Kota Kinabalu.

¹nadia_mawi@yahoo.com, ²humin198@yahoo.com

Diterima: 3 Julai 2017 / Dibaiki: 7 November 2017

Abstrak Masyarakat Bajau Sama’ di Kota Belud masih mengamalkan tradisi makan sirih. Kajian ini berfokus kepada budaya makan sirih yang digambarkan melalui peralatan budaya yang digunakan. Aspek reka bentuk, motif dan corak dikenal pasti dalam konsep peralatan budaya yang menyimpan mesej dan nilai murni dalam masyarakat. Istilah *selapa* digunakan etnik Bajau Sama’ merujuk kepada peralatan budaya ini. Umumnya, komponen pelengkap sesebuah *selapa* tradisional terdiri daripada anak lapa/cupu, kelekati dan *gusu* yang masing-masing diperbuat daripada bahan logam. Sesebuah selapa yang dilengkapi ramuan *piak* sirih dipercayai sangat berkait rapat dengan falsafah kehidupan masyarakat. Memandangkan peralatan budaya makan sirih amat rencam, maka kajian ini berusaha mendokumentasi peralatan dan makna budaya penggunaan selapa dalam etnik Bajau Sama’ Kota Belud. Kajian juga berusaha untuk menginterpretasi makna dan kaitan penggunaan *selapa* terhadap adat dan budaya. Kajian yang bersifat kualitatif ini adalah untuk mendapatkan data dan sumber secara terus di lapangan. Maklumat kajian sebahagian besar diperoleh daripada responden yang mengamalkan tradisi makan sirih dan pengumpul peralatan budaya. Data kajian dianalisis menggunakan Pendekatan Erwin Panofsky (1955) yang menekankan aspek ikonografi, deskripsi dan pengklasifikasian. Nilai-nilai budaya makan sirih bukan sahaja dipaparkan melalui konsep visual tetapi dapat dinyatakan melalui perlakuan makan sirih dalam kalangan masyarakat Bajau di Kota Belud.

Kata kunci: Peralatan budaya, Bajau Sama’, visualisasi, ikonografi, nilai murni.

Abstract *The Bajau Sama community in Kota Belud still practices the betel leaf-eating tradition. This research focuses on the culture of eating betel leaf, which is described through the use of cultural equipment. The aspects of design, motives and patterns are identified in the cultural equipment, which stores unique messages and positive attributes of the community. The term of selapa is used by the Bajau Sama' to refer to the equipment used for consuming betel leaf. Generally, the main components of a traditional selapa consist of lapa/cupu, kelekati and gusu which are made of metal. Selapa, which consists of sireh plak ingredient, is believed to be very close to the community's lifestyle philosophy. Since there are many ways of eating betel leaf, this research focuses on documenting the equipment and the meaning behind the culture of using selapa by the Bajau Sama' ethnic of Kota Belud. This research also aims to interpret the meaning and relationship of using selapa with regard to the customs and culture of the community. A qualitative data collection method was employed during the fieldwork to collect raw data and other resources. Most of the information in this research was gathered from respondents who eat betel leaf and collect antique selapa equipment. The data was analysed using Erwin Panofsky Approach (1955) which emphasizes the iconographic aspect, description and classificatory. The values of the betel leaf-eating culture are not only visually presented but also interpreted through the practice of betel leaf-eating culture among the Bajau community in Kota Belud.*

Keywords: *Cultural equipment, Bajau Sama', visualisation, iconographic, good value.*

PENGENALAN

Secara umumnya, kedatangan pedagang asing suatu ketika dahulu mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan masyarakat di negeri Sabah. Pengaruh tersebut telah menyusup dalam adat istiadat mahupun kehidupan seharian. Selain barangan dan makanan asas, sirih pinang merupakan barangan budaya dan perdagangan yang dibawa masuk ketika itu. Kesan amalan pemakanan sirih pinang menyebabkan amalan tersebut masih kekal sehingga kini. Kota Belud khususnya merupakan salah satu daerah yang menerima tradisi makan sirih melalui kedatangan imigran asing selain

beberapa daerah lain seperti daerah Kota Kinabalu, Tuaran, Kota Marudu, Papar dan Sipitang. Menurut sumber¹, kedatangan Brunei dan Sulu ke Kepulauan Borneo mempengaruhi budaya tersebut khususnya dalam perdagangan perusahaan berasaskan tembaga. Pernyataan ini dibuktikan seperti yang disebut dalam salasilah raja-raja Brunei. Tambahan lagi, sejak pemerintahan Sultan Bolkiah kegiatan perdagangan melibatkan perusahaan barangan kraf, ukiran barangan tembaga telah bermula di samping perusahaan tembaga turut menjadi perusahaan tradisi penting yang menjadi warisan turun-temurun pada abad ke-19². Selain itu, kemasukan tradisi makan sirih di Kota Belud turut mempengaruhi penghasilan barangan berasaskan tembaga di daerah tersebut. Menurut Musrin Hassin (2016), masyarakat di Kota Belud telah menghasilkan barangan berasaskan tembaga sekian lama dan salah satu produk tembaga adalah penghasilan peralatan budaya tepak sirih. Jelasnya lagi, penyebaran budaya ini turut dipengaruhi oleh budaya dari Kepulauan Mindanao yang mana peralatan budaya tepak sirih telah dibawa masuk ke daerah Kota Belud ketika itu. Majoriti daripada masyarakat yang terlibat mengamalkan tradisi makan sirih terdiri daripada kaum Bajau Sama', Iranun dan Dusun khususnya dari Kota Belud di samping turut melibatkan beberapa suku kaum lain seperti Bisaya, Brunei, Kedayan dan lain-lain yang berasal dari pelbagai daerah di Sabah.

Kepelbagaian kaum yang mengamalkan tradisi makan sirih menyebabkan tradisi tersebut menjadi sebatian dalam adat istiadat dan kehidupan mereka. Pengamalan ini turut menimbulkan istilah dan maksud tertentu yang dikaitkan dengan peralatan budaya makan sirih mengikut kaum yang mengamalkannya. Begitu juga dengan masyarakat Bajau Sama' Kota Belud yang masih mengamalkan tradisi makan sirih atau *mapa*³ sehingga kini. Majoriti daripada masyarakat ini masih setia menjinjing *selapa*⁴ ke mana sahaja berikutan tradisi *mapa* dapat mengeratkan silaturrahim antara mereka. Tradisi ini sinonim dengan falsafah masyarakat Bajau Sama "*Mangan nyak mangan, asal kiti kurung-kurung*"⁵ yang membawa maksud muafakat dalam kalangan mereka. Masyarakat Bajau Sama mempunyai istilah dan maksud tertentu yang merujuk kepada tradisi makan sirih seterusnya dikaitkan dengan peralatan budaya yang digunakan. Aspek nilai murni yang terkandung di sebalik pengamalan tradisi makan sirih turut mempengaruhi adat dan budaya mereka secara keseluruhan.

Masyarakat Bajau Sama' Kota Belud

Populasi masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud adalah yang tertinggi, diikuti oleh masyarakat Iranun dan ketiga ialah masyarakat Dusun. Masyarakat Bajau di Kota Belud disebut *jomo sama* atau *sama*. Saidatul Normis (2011:71) telah merumuskan bahawa gelaran yang sangat terkenal merujuk kepada masyarakat Bajau dikenali sebagai gipsi laut (*sea gypsies*) atau nomad laut (*sea nomads*) dan orang yang digelar Bajau ditemui tersebar di seluruh Semenanjung Asia Tenggara. Ismail Ibrahim (2011:105), menyatakan bahawa gelaran *Sea Gypsies* atau *Sea Nomads* yang diberikan oleh penulis Barat adalah merujuk kepada gaya hidup mereka yang bergantung kepada laut sebagai sumber kehidupan yang masih dipraktikkan oleh sebahagian besar masyarakat Bajau di daerah Semporna. Etnik Bajau yang tinggal berjauhan dengan laut beralih kepada aktiviti pertanian sebagai sumber rezeki. Yeop Johari dan Ismail Abbas (1986:175) menyatakan dari sudut sejarah, orang Bajau Sama' berasal dari Johor. Hasil cerita lisan dari nenek moyang, masyarakat Bajau dipercayai dari angkatan pengiring puteri Sultan Johor yang hendak dibawa ke Sulu untuk dikahwinkan dengan Raja Sulu namun dirampas oleh Sultan Brunei setibanya di perairan negeri Brunei. Puteri yang kebetulan lebih memilih Sultan Brunei berbanding Sultan Sulu ketika itu melarang para pengiringnya yang terdiri daripada orang-orang Bajau untuk bertindak. Panglima-panglima Bajau yang menjadi pengiring puteri Sultan Johor itu seterusnya tidak meneruskan pelayaran mereka ke Sulu atau kembali ke Johor lalu mencari tempat di pesisiran pantai untuk menetap. Mereka akhirnya tiba di Kuala Abai, Tempasuk dalam daerah Kota Belud. Keturunan mereka inilah yang dikatakan orang Bajau namun mereka sendiri menamakan golongannya sebagai 'Samah'. Selain itu, hakikat dari keyakinan suku Bajau boleh dihubungkan dengan fakta sejarah dan linguistik (Yeop Johari & Ismail Abbas, 1986). Masyarakat Bajau Sama Kota Belud secara fizikalnya terkenal dalam gelaran 'Koboi Timur' disebabkan oleh kemahiran mereka dalam menunggang kuda. Selain itu, Kota Belud berasal daripada bahasa Sama/Bajau yang diertikan sebagai "Kubu Pertahanan Atas Bukit" (Nor Arifah & Halina Sendera, 2007). Justeru, kewujudan masyarakat Bajau Sama dalam daerah Kota Belud membawa ikon kebudayaan yang meluas, meliputi kehidupan tradisi dan pengamalan adat istiadat dalam masyarakat.

Tradisi Makan Sirih Masyarakat Bajau Sama'

Makan sirih merupakan rutin harian bagi golongan wanita veteran dan tidak ketinggalan juga terdapat kaum lelaki yang mengamalkan makan sirih sebagai rutin mereka. Hasil daripada pemerhatian kasar, golongan wanita ialah golongan tertinggi yang masih mengamalkan tradisi makan sirih. Selain terbahagi kepada beberapa kategori yang meliputi golongan tua, dewasa dan golongan muda, golongan pengamal makan sirih juga turut dipengaruhi oleh faktor gaya hidup dan kerjaya. Golongan orang tua dan kaum ibu adalah golongan yang sering ditemui masih mengamalkan tradisi ini sekurang-kurangnya menyisip *belai*⁶ di tepi bibir. Umumnya, apabila berkunjung ke tempat awam seperti tamu mingguan, pasar dan majlis keramaian kesihatan ramai golongan ini yang masih mengamalkan tradisi makan sirih.



Rajah 1 Golongan veteran pengamal utama makan sirih

Budaya makan sirih turut diamalkan oleh golongan lelaki veteran atau warga emas namun populasinya agak kurang berbanding kaum wanita. Budaya makan sirih yang melibatkan golongan muda hanya berlaku dalam majlis perkahwinan atau perlawanan kerana amalan tersebut dipercayai mampu menghilangkan perasaan gemuruh. Selain itu, budaya ini juga berperanan sebagai *permanis*⁷ dan diambil sebelum atau selepas makan. Siti Zainon Ismail (2016) merumuskan bahawa amalan makan sirih dipercayai sebagai *penangkal*⁸ diri buat pengantin lelaki untuk menghilangkan perasaan gemuruh atau gementar dalam majlis persandingan. Oleh itu, amalan makan sirih dalam kalangan kaum lelaki hanya melibatkan situasi tertentu, berbeza

dengan kaum wanita yang mengamalkan budaya makan sirih sebagai rutin harian. Tradisi makan sirih dalam konteks budaya masyarakat Bajau Sama⁷ di Kota Belud merangkumi keseluruhan ramuan *piak* sirih. Lazimnya, komponen piak sirih lengkap mengandungi daun sirih, kapur, gambir, buah pinang, rokok daun dan tembakau. Rokok daun dan tembakau yang digulung membentuk *tigur*⁹ dalam kalangan masyarakat dipercayai mempunyai nilainya yang tersendiri. Situasi ini menampakkan bahawa tradisi makan sirih di Kota Belud masih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat dan secara tidak langsung menjadi budaya tradisi tempatan sehingga kini.

Peralatan Budaya Tepak Sirih *Selapa*

Peralatan budaya merujuk kepada bahan artistik yang merujuk kepercayaan sesuatu masyarakat. Peralatan budaya membawa simbol kesenian yang tersurat dan tersirat berikutan wujudnya pengertian nilai estetika yang tinggi. Tepak sirih adalah komponen tempat menyimpan *piak* sirih yang memaparkan nilai yang membentuk disiplin reka letak komponen terlibat. Siti Zainon Ismail (2016) mendefinisikan istilah *selepa* dan *celepa* berasal daripada bahasa Sanskrit yang merujuk kepada tempat menyimpan tembakau atau *suntil*¹⁰ yang berbentuk bulat dan bersaiz agak kecil. Lazimnya, suatu ketika dahulu *selepa* diikat seperti bengkung dan dibawa ketika berangkat perang (Siti Zainon, 2016). Tabiat makan sirih ketika itu diiringi bacaan mantera sementara perbuatan menyisip *sigup* di tepi bibir dipercayai mampu menghilangkan perasaan gemuruh serta memberi daya ketahanan kepada seseorang. Terdapat pelbagai jenis dan istilah yang merujuk kepada peralatan budaya ini mengikut pembawaan sesebuah negara, bangsa ataupun suku kaum. Kewujudan budaya makan sirih bagi sesuatu masyarakat lebih sinonim kepada penggunaan tepak sirih. Umumnya, budaya makan sirih begitu terkenal dalam kalangan masyarakat India, namun masyarakat di India¹¹ tidak menggunakan tepak sirih. Penggunaan tepak sirih asalnya dibudayakan oleh masyarakat alam Melayu yang disebut sebagai *celepa* atau *celapa*. Tepak sirih terdiri daripada pelbagai olahan bentuk dan dihiasi oleh corak mahupun motif yang membawa maksud tersirat bergantung kepada tempat asal pembuatannya. Ciri-ciri tepak sirih tradisional aslinya berbentuk berkotak-kotak diperbuat berasaskan komponen logam seperti tembaga, emas, besi serta komponen lain seperti kayu yang berukir.

Norhuda Salleh (2014) menjelaskan bahawa persembahan bentuk tepak sirih tidak hanya berbentuk kekotak tetapi terdiri daripada pelbagai bentuk, sesuai dengan definisi Windstedt (1969) dalam Norhuda Salleh (2014: 42) yang menyatakan bahawa tepak sirih mempunyai tiga olahan bentuk iaitu berbentuk bulat, bujur dan berkaki yang tidak bertutup selain memaksudkan ia sebagai '*cerana*' yang kebiasaannya untuk kegunaan harian.

Tidak dinafikan bahawa istilah yang merujuk kepada peralatan budaya ini adalah berbeza-beza mengikut negara, bangsa mahupun etnik. Hasil daripada penghijrahan masyarakat dahulu menyebarkan pembudayaan peralatan budaya tepak sirih seterusnya dipraktikkan dalam adat dan budaya masyarakat setempat. Borneo merupakan antara kawasan yang menerima baik budaya penggunaan tepak sirih kemudiannya semakin tersebar dalam kalangan pelbagai suku etnik. Salah satu daripada etnik yang terlibat adalah etnik Bajau Sama yang berada di Kota Belud. Istilah *selapa* atau *lapa* merupakan istilah khusus terhadap tempat menyimpan komponen *piak* sirih. Berikutan daripada tradisi makan sirih yang diamalkan sekian lama, masyarakat etnik Bajau Sama' di Kota Belud menegaskan *selapa* yang lengkap selalunya mengandungi minyak bibir, *doun sirih*¹², *bua' pinang*¹³, *apoh*¹⁴, gambir, *tigur*¹⁵ dan *sigup*¹⁶ (rujuk Rajah 9). Perkara ini berkait rapat dengan tatacara pemakanan set sirih pinang, seterusnya menyelami maksud dan nilai yang terkandung di sebalik amalan tradisi makan sirih. Material *selapa* tradisional terdiri daripada komponen logam seperti tembaga yang berbentuk geometri seperti segi empat, silinder, bujur dan segi lapan. Menurut informan¹⁷, tempat asal pembuatan tepak sirih mempengaruhi saiz tepak sirih yang masing-masing mengandungi makna yang tersendiri. Kebanyakan tepak sirih yang mempunyai bucu tajam seperti segi empat [Rajah 1(i)] berasal dari Kepulauan Sulu, manakala tepak sirih yang berbentuk bujur [Rajah 1(ii)], bulat atau seumpamanya berasal dari Brunei.




Rajah 2 Bentuk tepak sirih *selapa* mengikut tempat asal

Memandangkan tepak sirih aslinya berasal dan dihasilkan dari negara luar seperti Kepulauan Sulu dan Brunei, penghijrahan masyarakat terdahulu ke Kepulauan Borneo telah menyebarkan serta mengamalkan budaya mereka di tempat baharu. Pengamalan budaya ini seterusnya diasimilasi dalam kalangan masyarakat setempat lalu dipraktikkan dalam kehidupan tradisional. Penghayatan tradisi dalam sesuatu kelompok masyarakat itu berjaya membentuk identiti tersendiri seterusnya menjadi sebahagian daripada budaya yang diamalkan. Berikutan daripada tradisi yang masih diamalkan, perusahaan tembaga masih giat dijalankan dalam daerah Kota Belud dan hal ini menunjukkan bahawa penghasilan peralatan budaya masih mendapat tempat sekali gus memelihara warisan budaya tempatan. Motif dan corak yang diaplikasikan dalam pembuatan *selapa* oleh masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud sedikit sebanyak merujuk kepada rekaan peralatan budaya asal. Kewujudan *selapa* dalam masyarakat Bajau Sama' mempunyai simbolik yang merangkumi adat istiadat serta kepercayaan nilai di sebalik penggunaannya. Selain berfungsi dalam adat perkahwinan dan menjadi barang hantaran, *selapa* melambangkan keturunan si pemilik. Umumnya, masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud mempunyai tingkat keturunan mereka tersendiri yang merangkumi golongan biasa, golongan bangsawan dan golongan syarif.

Jenis Reka Bentuk *Selapa*


Berikutan daripada kerencaman peralatan budaya tepak sirih, terdapat beberapa jenis reka bentuk *selapa* yang sering ditemui digunakan oleh masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud. Antaranya *selapa diki*¹⁸ yang berbentuk segi empat [Rajah 3(i)] dan segi lapan [Rajah 3(ii)]. *Selapa diki* yang diperbuat daripada tembaga ini bersaiz lebih kurang 15sm panjang x 8sm lebar x 5sm tinggi. Kebanyakan *selapa diki* digunakan dalam majlis *mesduo*¹⁹ untuk dijamu kepada tetamu yang bertandang ke rumah. Ciri-ciri fizikal *selapa* ini agak polos dan tidak mempunyai ukiran motif dan corak. Seterusnya, *selapa sedong*²⁰ [Rajah 3(iii)] digunakan sebagai barangan hantaran perkahwinan masyarakat biasa. *Selapa sedong* bersaiz 20sm panjang x 10sm lebar x 10sm tinggi dan selalunya mempunyai rekaan motif dan corak pada permukaan *selapa*. *Selapa* sering mengiringi adat perkahwinan zaman lampau. Menurut informan²¹, *selapa* berfungsi sebagai

barang hantaran mengiringi sirih junjung dalam adat tradisi *pesorong mendo*²² yang lengkap dengan *doun sirih*, pinang, gambir, *apoh*, *tigur* dan *sigup*. *Selapa oyo*²³ merujuk kepada *selapa* bersaiz besar [Rajah 3 (iv)] dan 35sm panjang x 25sm lebar x 20sm tinggi. *Selapa diki* terletak dalam *selapa oyo* berfungsi sebagai *anak lapa* untuk menyimpan ramuan *piak* sirih [Rajah 3 (iii)]. Lazimnya, *selapa oyo* dimiliki oleh golongan bangsawan dalam persembahan adat. Sesungguhnya, kebanyakan *selapa oyo* dihiasi motif dan corak yang membawa maksud tersurat dan tersirat di sebaliknya.












Rajah 3 Jenis reka bentuk *selapa* di Kota Belud

Reka bentuk *selapa* [Rajah 2 (i) (iii)] yang memaparkan bucu tajam dipercayai budaya daripada Kerajaan Sulu. Bagaimanapun, *selapa* ini telah melalui proses asimilasi budaya semenjak zaman lampau. Menurut Mastata Omar Keruak (68), beliau menyimpan koleksi *selapa* sekian lama dan sedikit sebanyak telah dipraktikkan dalam adat istiadat mereka.



Rajah 4 Komponen set *selapa* di Kota Belud

Berpandukan Rajah 4, peralatan budaya tepak sirih tradisional yang diperbuat daripada tembaga sememangnya masih wujud di daerah Kota Belud. Majoriti daripada masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud masih menyimpan khazanah warisan yang ditinggalkan oleh nenek moyang seterusnya diaplikasikan dalam adat tempatan. Penjagaan yang rapi begitu penting agar kualiti *selapa* lebih terjamin.

Sisi Depan	Sisi Atas	Sisi Tepi
		
		
		




Rajah 5 Ukuran tepak sirih *selapa* di Kota Belud

Memandangkan *selapa* dalam konteks budaya etnik Bajau Sama’ di Kota Belud mempunyai tiga aspek seperti *selapa diki*, *selapa sedong* dan *selapa oyo*, maka perincian saiz ukuran perlu dinyatakan. Rajah 5 mempamerkan tiga jenis ‘selapa’ utama yang terdiri daripada saiz dan ukuran yang berbeza. Secara keseluruhannya, Rajah 5 mempamerkan secara ringkas *selapa* mengikut tiga tahap sisi pandang berserta saiz ukuran. Lazimnya, *selapa* yang bersaiz agak kecil bersifat lebih ringan dan sering digunakan.

Komponen Pelengkap *Selapa*

Selapa terdiri daripada kombinasi peralatan budaya yang mempunyai peranan masing-masing dalam budaya makan sirih. Komponen *selapa* seperti kelekati, *cupu* dan *gusu* merupakan komponen penting *selapa* bagi masyarakat Bajau Sama’ di Kota Belud. Pengacip pinang atau dikenali sebagai kelekati oleh masyarakat setempat adalah komponen terpenting untuk mengupas buah pinang yang agak keras. Selain diperbuat daripada tembaga, kebanyakan kelekati juga diperbuat daripada emas, perak atau

besi. Reka bentuk kelekati sering dikaitkan dengan olahan bentuk objek alam seperti rupa burung dan unggas. Seterusnya, *anak lapa* berfungsi sebagai tempat menyimpan komponen *piak* sirih. Kedudukan *anak lapa* dalam *selapa* adalah mengikut tertib susunan *piak* sirih. Kepelbagaian reka bentuknya dipengaruhi unsur alam dan bersifat geometri. Begitu juga dengan alat pelarut atau penghancur set sirih yang disebut *gusu*. *Gusu* berperanan seperti lesung digunakan untuk menghancurkan komponen yang bersifat keras. Kewujudan *gusu* memudahkan golongan tua yang tidak mampu mengunyah set sirih menggunakan gigi. *Gusu* diperbuat daripada bahan logam keras seperti tembaga dan besi.

Komponen	Makna/Huraian/Konsep
	<p>Pengacip/Kelekati: Pengacip berfungsi untuk mengacip buah pinang yang agak keras. Perlakuan dan sifat belahan buah pinang yang dikacip turut memberi makna seperti kata “bagai pinang di belah dua”. Reka bentuknya dipercayai berasal dari olahan rupa burung. Kelekati membawa nilai kebebasan di samping membentuk peribadi berani.</p>
 <p>(ii) a (ii) b</p>	<p>Cembul/Cupu/Anak Lapa: <i>Cupu</i> merupakan komponen yang terdapat dalam <i>selapa</i>. <i>Cupu</i> berfungsi untuk menyimpan <i>bua' pinang</i>, gambir, <i>apoh</i> dan <i>sigup</i>. Kedudukan <i>cupu</i> dalam <i>selapa</i> disusun mengikut susunan. Penyusunan <i>cupu</i> dalam <i>selapa</i> bermaksud mendahulukan ramuan mengikut tertib seperti besar-kecil. Susunan <i>cupu</i> membawa nilai kesefahaman dalam mendahulukan mengikut keutamaan yang melambangkan kekeluargaan.</p>
	<p>Gobek/Gusu: <i>Gusu</i> berperanan sebagai alat pelarut atau penghancur buah pinang. Lazimnya, <i>gusu</i> penting bagi si pengamal makan sirih dalam golongan orang tua atau mereka yang sukar mengunyah. Pancaran nilai kerjasama, kesabaran dan kekuatan bergabung dalam konsep kesepakatan dapat dijelaskan di sebalik penggunaan <i>gusu</i>.</p>

Rajah 5 Komponen *selapa* di Kota Belud

Reka Bentuk *Anak Lapa*

Cupu atau *anak lapa* adalah komponen utama untuk melengkapi *selapa*. *Anak lapa* berfungsi untuk menyimpan segala ramuan *piak* sirih dan disusun mengikut tertib dalam *selapa*. *Anak lapa* bersaiz agak kecil terdiri daripada pelbagai olahan bentuk geometri dan menyerupai bentuk alam. Kepelbagaian bentuk *anak lapa* menunjukkan bahawa penguang logam dipengaruhi keadaan sekeliling dan memenuhi konteks kepelbagaian dalam menghasilkan peralatan budaya mengikut kesesuaian. Ia berfungsi sebagai tempat menyimpan *piak* sirih seperti *doun sirih*, *pinang*, *gambir*, *apoh*, *tigur* dan *sigup*.




(i)



(ii)

Rajah 6 Komponen set *anak lapa*

Rajah 6 memaparkan set *anak lapa* yang tersusun dalam sesebuah *selapa*. Set *anak lapa* dalam Rajah 6 (i) mempamerkan *selapa* yang digunakan oleh etnik Bajau Sama Kota Belud dalam budaya makan sirih. Kebanyakan reka bentuk *anak lapa* sedemikian ditemui dalam daerah Kota Belud. Kelengkapan set *anak lapa* perlu dititikberatkan terutama dari segi kandungan *piak* sirih dan susunan mengikut urutan bagi membentuk sebuah set *selapa* yang lengkap. Reka bentuk *anak lapa* turut dipengaruhi unsur alam dan berbentuk geometri.



Rajah 7 Reka bentuk *cupu/anak lapa*

Rajah 7 (i – x) menunjukkan antara reka bentuk *anak lapa* yang dikaji dalam masyarakat Bajau Sama' Kota Belud. Lazimnya, *anak lapa* bersaiz agak kecil seperti 6sm lebar x 6sm panjang x 3sm tinggi (Rajah 7). Saiznya dipengaruhi oleh komponen *piak* sirih yang akan diletakkan ke dalam *anak lapa*, selain turut dipengaruhi oleh jenis *selapa* yang dipadankan dengan *anak lapa* sebagai sebuah persembahan tepak sirih *selapa* yang lengkap. Berdasarkan reka bentuk *anak lapa* yang dipaparkan dalam Rajah 7, reka bentuknya meniru objek alam seperti berbentuk kerang, bulan sabit, perahu, haiwan dan sebagainya selain mempamerkan olahan bentuk geometri. Persembahan reka bentuk yang berbeza-beza mengandungi nilai yang dikaitkan dengan kebudayaan dan kepercayaan etnik Bajau Sama' itu sendiri.

Sesebuah set *selapa* yang lengkap mengandungi kandungan *anak lapa* tersusun rapi di dalamnya. Memandangkan bentuk *anak lapa* agak kecil,

maka penghasilan bagi sebuah set *selapa* yang lengkap kebanyakannya mempunyai rupa dan bentuk yang serupa [Rajah 6 (i) dan (ii)]. Namun, terdapat juga set *anak lapa* yang berbeza dari segi rupa, bentuk, saiz dan peragaan motifnya. Komponen *piak* sirih yang diletakkan dalam setiap *anak lapa* mempengaruhi para penuang logam untuk menghasilkan *anak lapa* mengikut reka bentuk yang mewakili komponen *piak* sirih yang ditetapkan. Olahan *anak lapa* bagi Rajah 7 (ii) menunjukkan reka bentuk menyerupai bunga dan lazimnya untuk menyimpan bilahan buah pinang. Rajah 7 (vii) lebih dominan menyerupai bentuk kulit kerang, iaitu merupakan tempat menyimpan kapur *apoh* memandangkan *apoh* asalnya terhasil melalui kulit kerang yang dilumatkan. Seterusnya, *anak lapa* yang direka dalam bentuk geometri seperti segi empat, segi enam, segi lapan, silinder dan sebagainya adalah antara reka bentuk *anak lapa* yang biasa digunakan dan menghiasi setiap set *selapa* yang lengkap. Purata saiz bagi *anak lapa* yang berbentuk geometri ini berukuran 5sm menegak x 8 sm mendatar [Rajah 7 (i)] dan 3sm menegak x 3sm mendatar ukuran bagi sebuah *anak lapa* yang berbentuk segi empat. Ukuran yang dinyatakan adalah saiz standard bagi sebuah *anak lapa* yang terdapat dalam sebuah *selapa sedong*. Berbeza dengan *anak lapa* yang terdapat dalam *selapa oyo* yang mempunyai saiz agak besar dan berbentuk seperti *selapa diki'* (Rajah 8).



Rajah 8 Kedudukan *anak lapa* dalam *selapa oyo*

Susunan *Anak Lapa*

Selapa yang lengkap dengan susunan *anak lapa* menggambarkan ketertiban budaya yang diamalkan selain mempraktikkan disiplin reka letak yang ditetapkan. Secara fizikalnya, susunan yang teratur memudahkan pemakan


sirih untuk mengambil setiap komponen *piak* sirih mengikut keperluan. Perkara ini juga secara tidak langsung dapat menjimatkan waktu, terutamanya sewaktu berkongsi *selapa* dalam satu kelompok yang ramai. Pemahaman ini seterusnya mewujudkan nilai disiplin yang dikaitkan dengan kehidupan seharian. Kedudukan dan susunan *anak lapa* mengambil kira aspek mendahulukan ramuan *piak* sirih mengikut tertib. Selain memudahkan si pemakan sirih, susunan *anak lapa* juga memberi pengertian terhadap kepercayaan masyarakat Bajau Sama' itu sendiri. Susunan *anak lapa* dalam sebuah *selapa* menunjukkan tertib ketika mengapur sirih dalam konsep yang didahulukan dan yang dikemudiankan. Masyarakat Bajau Sama' mengamalkan tertib yang tersendiri dan mempunyai pengertian dari bahagian kepala *selapa* dan bahagian ekor *selapa*. Terdapat dua pembahagian dalam sebuah *selapa*, bahagian atas merangkumi susunan *minyak bibir*, *apoh*, *gambir*, buah pinang dan *sigup*. Bahagian bawah pula disusun *tigur*, *doun' sirih* dan *kelekati*.



Rajah 9 Tertib susunan *piak sirih*


Berpandukan Rajah 9, susunan selari *anak lapa* pada bahagian atas *selapa* merupakan susunan standard bagi disiplin reka letak *piak* sirih. Lazimnya, susunan *anak lapa* bukan sekadar berpandukan reka bentuk dan saiz semata-mata, namun turut berpandukan komponen *piak* sirih yang digunakan. Dalam sebuah *selapa* mengandungi empat buah *anak lapa* mengandungi komponen seperti minyak bibir, *apoh*, *gambir*, bilahan buah pinang dan *sigup* yang disusun selari. Minyak bibir mendahului setiap komponen *piak* sirih dan diakhiri dengan *sigup*. Namun, hanya kedudukan yang bernombor (2) dua hingga (4) empat sahaja yang dilipat bersama daun

sirih sebelum dimasukkan ke dalam mulut (rujuk Rajah 10). Tertib susunan *piak* sirih dalam Rajah 9 adalah susunan tanpa peragaan *anak lapa* bagi menampakkan secara normal komponen *piak* sirih yang diletakkan dalam *anak lapa*.




Rajah 10 Tertib susunan *anak lapa*

Berdasarkan tertib susunan *anak lapa* dalam Rajah 10, konsep susunan *anak lapa* turut dipengaruhi oleh beberapa nilai pemahaman dan kepercayaan. Aspek kekeluargaan merupakan antara konsep umum yang relevan dikaitkan dengan susunan *anak lapa*. *Selapa* mewakili sebuah keluarga dan komponen di dalamnya mewakili setiap ahli dalam keluarga seperti pasangan suami isteri dan anak-anak. Setiap kedudukan *anak lapa* adalah mengikut tertib yang mendahulukan ketua keluarga iaitu *mak*²⁴ diikuti kedudukan anak lelaki, anak perempuan dan diakhiri oleh *yang* atau *yak*²⁵ sebagai tulang belakang kepada ketua keluarga. Lazimnya, etnik Bajau Sama' mengutamakan serta menghormati status sosial yang terbina sejak zaman nenek moyang mereka. Oleh itu, kedudukan dalam *selapa* boleh dikaitkan dengan keturunan etnik Bajau Sama yang terbahagi kepada golongan yang berketurunan Datu, keturunan Syarif dan masyarakat kebanyakan. Selain itu, susunan komponen *selapa* turut dikaitkan dengan sebuah pentadbiran dalam sesebuah kampung. Penghulu atau ketua kampung diikuti penduduknya mewakili setiap susunan komponen *anak lapa* dan *piak* sirih di dalam *selapa*. Susunan *anak lapa* dalam *selapa* turut berkonsepkan dokumentasi ruang rumah tradisi etnik Bajau Sama'. Rumah tradisi etnik Bajau Sama' terbahagi kepada ruang-ruang tertentu meliputi *pantaran*²⁶, *indung*²⁷, *angkab*²⁸, *serudung*²⁹ dan *diak ruma*³⁰ (Rajah 11).



Rajah 11 Rumah tradisi etnik Bajau Sama'




Rajah 12 Pelan lantai rumah tradisi etnik Bajau Sama'

Konsep ruang rumah tradisi etnik Bajau Sama' yang terbahagi kepada beberapa bahagian mempengaruhi kedudukan dan susunan dalam sesebuah *selapa*. Kawasan *pantaran* mewakili kepala *selapa*, manakala *serudung* mewakili ekor *selapa*. Demikian juga dengan bahagian *indung* dan *serambi*, masing-masing mewakili bahagian dalaman *selapa*. Kewujudan konsep ruang ini diselaraskan dengan pemikiran etnik Bajau Sama'.

Reka Bentuk dan Fungsi *Kelekati*

Pengacip atau lebih dikenali sebagai *kelekati* oleh masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud merupakan komponen penting yang disertakan dalam sesebuah *selapa*. Tanpa *kelekati*, sesebuah *selapa* tradisional tidak akan lengkap. *Kelekati* berfungsi untuk memotong buah pinang. Dari segi olahan reka bentuk, *kelekati* terdiri daripada bahan logam yang dibentuk menyerupai olahan daripada bentuk burung, kepala binatang dan bentuk bebas yang kebanyakannya berukirkan motif flora.




Rajah 13 Reka bentuk *kelekati* di Kota Belud

Berdasarkan variasi *kelekati* dalam Rajah 13 di atas, terdapat kepelbagaian saiz dan reka bentuk yang terdiri daripada *kelekati diki*, *kelekati sedong* dan *kelekati oyo*. Selain saiz yang berbeza, perbezaan rekaan *kelekati* juga jelas dilihat pada ukiran motif serta reka bentuk yang dipengaruhi oleh alam sekeliling. *Kelekati* yang bersaiz kecil berukuran 15sm panjang x 3sm lebar, manakala *kelekati sedong* berukuran 20 sm panjang x 3sm lebar dan *kelekati oyo* berukuran 25 sm panjang x 4sm lebar.

Reka Bentuk dan Fungsi *Gusu*

Gusu atau gobek adalah komponen lain pelengkap *selapa* yang berfungsi sebagai objek penghancur buah pinang dan ramuan set sirih. Penggunaan *gusu* memudahkan pemakan sirih terutamanya golongan yang sukar mengunyah sirih. Lazimnya, golongan orang tua lebih memerlukan *gusu* dalam budaya makan sirih selain mempraktikkan penggunaan komponen peralatan budaya yang tersedia. *Gusu* diperbuat daripada komponen logam seperti tembaga dan besi. *Gusu* berbentuk silinder terdiri dari dua bahagian merangkumi *ibu gusu* dan *anak gusu*. Bahagian hujung *ibu gusu* disumbat dengan bahagian *anak gusu* yang bersaiz agak kecil berbanding saiz lubang *ibu gusu*. Bahagian hujung *anak gusu* agak tajam seperti mata pemahat berfungsi sebagai lesung untuk melumatkan komponen sirih. Kebanyakan reka bentuk *gusu* yang dijumpai dalam daerah Kota Belud berbentuk lebih polos, sebagaimana rekaan peralatan budaya yang lain seperti *selapa* dan kelekati. Simbolik penggunaan *gusu* berkonsepkan kebersamaan, semangat kesungguhan dan kerjasama.




Rajah 14 Reka bentuk *gusu* di Kota Belud

Imej yang terdapat pada Rajah 14 (i) memaparkan komposisi sepunya bagi *gusu* yang menggabungkan bahagian *ibu gusu* dan *anak gusu* bersaiz 21 sm panjang, manakala Rajah 14 (ii) adalah paparan *gusu* dari komposisi berbeza. Lazimnya, *ibu gusu* berukuran 18sm memanjang manakala *anak gusu* berukuran 21 sm.

Motif dan Corak Selapa

Olahan motif dan corak saling berkaitan dengan unsur alam seperti flora dan fauna. Motif pada Rajah 15(i) menghiasi *cupu apoh* yang berbentuk segi enam [Rajah 5 (ii) a]. Unsur flora yang terdapat pada motif ini adalah berdasarkan penghayatan masyarakat terhadap alam sekeliling. Motif Rajah 4(ii) pula adalah motif pada *selapa sedong*. Francis A. Yong (67)³¹, menyatakan olahan motif pada koleksi *selapa* bermotifkan unsur flora seperti motif awan larat atau *bahan akar* [Rajah 4(i)], bunga cakar ayam [Rajah 4(ii)], motif *motolow* atau bunga matahari [Rajah 4(iii)] dan motif *tampuk pinang* [Rajah 4(iv)]. Motif berunsur flora juga jelas kelihatan pada Rajah 4(v), (vi), (vii) dan (viii) yang agak kurang berstruktur dari segi olahannya. Selain itu, hasil pemerhatian terhadap motif dan corak yang terdapat pada *selapa* di Kota Belud mempunyai persamaan dengan motif ukiran pada parang Bajau.








Rajah 15 Motif dan corak *selapa* di Kota Belud

Ismail Ibrahim (2011: 113) mencatatkan bahawa pembuatan parang pada ketika dahulu sekadar memenuhi permintaan penduduk setempat dan paparan motifnya agak kurang berstruktur berbanding paparan motif sekarang. Demikian juga dengan paparan motif pada *selapa* tradisi yang dihiasi dengan ukiran motif dan corak yang pelbagai dan berbeza-beza. Selain bermotifkan flora, paparan motif dalam peralatan budaya turut dipengaruhi oleh unsur alam fauna. Motif pada Rajah 7(vii) menjelaskan imej kerang yang dijadikan sebagai corak pada *cupu apoh*. Lazimnya, kewujudan imej kerang sebagai motif dalam peralatan budaya dikaitkan dengan aktiviti masyarakat. Umumnya, etnik Bajau Sama' menetap di pesisir pantai dan majoritinya adalah nelayan. Unsur kehidupan laut begitu sehati dalam masyarakat yang terlibat sehingga terhasilnya beberapa olahan motif dan corak. Penghasilan motif kulit kerang turut dipengaruhi oleh komponen set sirih. *Apoh* yang terhasil melalui kulit kerang telah mempengaruhi penghasilan motif pada *cupu apoh*. Perkara ini memberi maksud bahawa *cupu* berbentuk kulit kerang bermaksud *cupu* khas untuk *apoh*.

Ikonografi Peralatan Budaya

Mengikut analisis data ikonografi, pendokumentasian peralatan tradisi makan sirih masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud mengidentifikasikan reka bentuk *selapa* mempunyai kaitan makna dengan budaya penghasilannya. Penelitian terhadap aspek reka bentuk, corak dan motif yang terkandung dalam peralatan tepak sirih masyarakat Bajau Sama' memaparkan aktiviti budaya makan sirih. Perincian terhadap komponen lain pada tepak sirih yang turut dikenal pasti seperti *kelekati*, *gusu* dan *anak lapa* mengandungi signifikannya dalam tradisi makan sirih. *Selapa* bagi masyarakat Bajau Sama' bermaksud satu komponen yang dilengkapi set makanan sirih. Budaya makan sirih melalui ikon *selapa* yang lengkap melambangkan keikhlasan hidangan, penghormatan dan kerendahan hati tuan rumah terhadap tetamu yang bertandang. Gambaran ini menjelaskan masyarakat Bajau Sama' mementingkan nilai kekitaan dan budi pekerti. Konsep kerjasama juga sering terlihat daripada perlakuan duduk berkumpul dan *mapa* bersama. Perlakuan ini sinonim dengan falsafah masyarakat Bajau Sama' yang mementingkan hubungan silaturrahim yang berpanjangan. Justeru, tradisi makan sirih yang masih dikekalkan sehingga kini dapat merealisasikan nilai murni dalam kehidupan masyarakat Bajau Sama'.

Nama	Komponen	Konsep
Daun Sirih (<i>doun sirih</i>)		Daun sirih atau <i>doun sirih</i> melambangkan daun budi bagi masyarakat Bajau Sama'. Sifat pokoknya yang menjalar tanpa merosakkan tempat sandarannya membawa erti sifat merendah diri dan pemberani.
Buah Pinang (<i>bua' pinang</i>)		Buah pinang bersifat agak keras dan kelat. Pinang merujuk maksud keturunan yang baik-baik. Belahan pinang memaparkan garisan empulurnya yang keputihan. Pinang yang dibelah dua memberi nilai kesepadanan, manakala pinang yang dibelah empat membawa nilai muafakat dalam berkumpul.
Gambir		Gambir terhasil melalui kerja proses perebusan dan penyaringan daun gambir. Ia bersifat penyamak dan agak kelat serta pahit. Proses pembuatan dan sifat gambir menggambarkan kecekalan hati.
Kapur (<i>apoh</i>)		<i>Apoh</i> atau kapur yang berwarna putih agak payau dan bersifat hangat. Pengamal sirih menggunakan jari manis untuk mencalit <i>apoh</i> . Perbuatan ini dipercayai adab yang menambah seri kepada si pemakan sirih.
Rokok daun (<i>tigur</i>) dan tembakau (<i>sigup</i>)		Rokok daun atau <i>tigur</i> terhasil melalui pengeringan daun pokok nipah. Bersifat tawar dan berwarna putih kekuningan. Tembakau atau <i>sigup</i> pula terhasil melalui hirisan daun tembakau yang dikeringkan. Sifatnya memabukkan dan agak pahit. <i>Tigur</i> dan <i>sigup</i> adalah ramuan yang beriringan seperti sifat persahabatan yang erat dan tahan lasak.

Rajah 16 Set *piak* sirih dalam *selapa*

Berdasarkan Rajah 16 yang memaparkan set sirih pinang yang terkandung dalam set *selapa* di Kota Belud, kepelbagaian *piak* sirih mempunyai nilainya yang tersendiri. Pengertian yang dinyatakan adalah pemahaman etnik Bajau Sama terhadap tradisi *mapa* seterusnya memberi makna dalam kehidupan yang diamalkan seharian. Pemaknaan yang dinyatakan bagi setiap *piak* sirih memberi simbolik dalam tradisi makan sirih yang masih diamalkan sehingga kini.

Interpretasi Peralatan Budaya dalam Budaya *Mapa*

Pendekatan aspek ikonografi melalui pendokumentasian peralatan budaya *selapa* mampu memperincikan komponen pelengkap *selapa*. Melalui penjelasan dan pengelasan peralatan budaya ini membawa kepada penginterpretasian maksud dan makna yang terkandung dalam peralatan budaya *selapa* dan budaya makan sirih bagi etnik Bajau Sama'. Sumber primer merujuk kepada penjelasan terhadap peralatan budaya *selapa* melalui aspek kepelbagaian reka bentuk. Sumber sekunder pula merujuk kepada pengelasan dan pendokumentasian *anak lapa*, kelekati dan *gusu* dari aspek reka bentuk dan fungsi. Penginterpretasian maksud dan makna diterapkan melalui motif dan corak yang ditampilkan dalam peralatan budaya *selapa* berdasarkan pemikiran etnik Bajau Sama'. Aspek ikonografi seterusnya terbentuk melalui gabungan keseluruhan sumber yang membawa kepada pemaknaan budaya makan sirih yang mengandungi nilai disebaliknya.

KESIMPULAN

Selapa adalah gambaran budaya makan sirih dalam masyarakat Bajau Sama' yang begitu bernilai sebagai rentetan dan warisan nenek moyang. Bagaimanapun, penggunaan peralatan budaya *selapa* di kawasan kajian sedang mengalami transformasi budaya. Maka, pencarian identiti sebenar yang melibatkan warisan tradisi perlu diteruskan untuk memelihara budaya yang bernilai tinggi. Memandangkan tradisi tersebut masih kekal sehingga kini, maka kajian peralatan budaya tradisional perlu divisualkan agar reka bentuk aslinya lebih terpelihara. Selain memelihara reka bentuk asli *selapa*, secara tidak langsung unsur estetik yang terkandung dalam setiap peragaan peralatan budaya yang berkaitan turut terjaga. Antara nilai estetik yang berkaitan seperti motif dan corak sememangnya mempunyai makna tersirat yang dikaitkan dengan kepercayaan dan perlambangan dalam budaya etnik Bajau Sama'. Secara keseluruhannya, perincian nilai dan disiplin pemikiran masyarakat Bajau Sama' di Kota Belud menunjukkan keselarian imej dan makna budaya yang divisualkan dalam kajian peralatan budaya tradisional.

RUJUKAN

- D.T. Ginat et al. (Eds.). (2015). *Neuroimaging pharmacopoeia*. Switzerland: Springer International Publishing, Vol. 8, hlm.79–80.
- Ismail Ibrahim. (2011). *Warisan motif dan corak etnik di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. (2014). *Undang-undang adat: Tafsiran awal terhadap indikator sosial Bajau*. Dlm. Saidatul Normis Hj. Mahali (Ed.). *Warisan Budaya Sabah (Etnisiti dan Masyarakat)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Nandrayanatirow. (2013). *Kamus mudah pertuturan harian bahasa Sama*. Kota Belud: Persatuan Sama Sabah.
- Norhayati Mohd. Said. (1983). *Sirih pinang kumpulan esei budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhuda Salleh. (2014). *Tepak sirih: Interpretasi dan persepsi dalam masyarakat Malaysia-Indonesia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Radik Taim. (2014). *Adat resam dan pantang larang suku Bajau Sama*. Dlm. Panel Penulis (Ed.). *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah & Sabullah Hj. Hakiip. (1995). *Sejarah Brunei menjelang kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidatul Normis & Budi Anto Mohd. Tamring. (2011). *Pluraliti dalam kearifan lokal di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis Mahali. (2014). *Berian/Barian perkahwinan Bajau Kota Belud di Sabah: Satu tinjauan dini*. *Akademika*, Vol. 84 (3), hlm. 3–13.
- Scoott A. Norton. (1998). Betel: Consumption and consequences. *Journal of the American Academy of Dermatology*, Vol. 38, hlm. 81 – 88.
- Yeop Johari Yaakob & Ismail Abbas. (1986). *Kosa kata bahasa Bajau: Satu tinjauan awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. (1995). *Glosari budaya Malaysia: Corak dan motif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Informan

- Bainu Sarman (54), Kampung Timbang Dayang, Kota Belud.
- Francis A. Yong (67), pengumpul peralatan tradisi antik, Kota Kinabalu.
- Frazer Jipi (37), Kampung Kuala Penyu.
- Mastata Omar Keruak (64), Pangkalan Abai, Kota Belud.
- Musrin Hassin (64), pengumpul peralatan tradisi, Kampung Rampaian Laut, Kota Belud.
- Nandra Bin Hitong (58), Kampung Kulambai, Kota Belud.
- Peyah Raup@Elik (70), Kampung Bangka-Bangka, Likas, Kota Kinabalu.
- Siti Zainon Ismail (69), pengkaji budaya, Universiti Malaysia Sabah.

NOTA

- ¹ Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah & Sabullah Hj.Hakip. 1995. Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- ² Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah & Sabullah Hj.Hakip. 1995. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, hlm. 43.
- ³ *Mapa* bermaksud mengunyah dalam bahasa Bajau Sama'.
- ⁴ *Selapa* merupakan istilah masyarakat Bajau Sama' Kota Belud yang merujuk kepada peralatan budaya tepak sirih.
- ⁵ Bahasa Bajau Sama' yang bermaksud "makan tidak makan, asal sahaja kita berkumpul".
- ⁶ *Belai* adalah bahasa Bajau Sama yang bermaksud tembakau yang disisip di tepi bibir.
- ⁷ *Permanis* berfungsi sebagai penyeri muka diiringi bacaan mantera untuk mendapatkan perhatian.
- ⁸ *Penangkal* bermaksud memberi perlindungan kepada si pengamal.
- ⁹ *Tigur* bermaksud rokok daun digulung bersama tembakau di dalamnya menyerupai rokok kretek.
- ¹⁰ *Suntil* bermaksud tembakau yang disisip di tepi bibir.
- ¹¹ Negara India merupakan salah sebuah negara yang mengamalkan tradisi makan sirih dan dikaitkan dengan sistem adat tradisi.
- ¹² *Doun sirih* bermaksud daun sirih.
- ¹³ *Bua' pinang* bermaksud buah pinang.
- ¹⁴ *Apo* bermaksud kapur.
- ¹⁵ *Tigur* bermaksud rokok daun.
- ¹⁶ *Sigup* bermaksud tembakau.
- ¹⁷ Frazer Jipi (37), pengumpul barangan tradisional, Kampung Kuala Penyau.
- ¹⁸ *Selapa diki* bermaksud tepak sirih bersaiz kecil.
- ¹⁹ *Mesduo* bermaksud majlis kenduri kesyukuran.
- ²⁰ *Selapa sedong* bermaksud tepak sirih bersaiz sederhana.
- ²¹ Peyah Raup@Elik (70), pengamal makan sirih, Kampung Bangka-Bangka, Likas, Kota Kinabalu.
- ²² *Pesorong mendo* bermaksud meminang perempuan.
- ²³ *Selapa Oyo* bermaksud tepak sirih bersaiz besar.
- ²⁴ *Mak* dalam bahasa Bajau Sama' bermaksud bapa.
- ²⁵ *Yang* atau *yak* dalam bahasa Bajau Sama' bermaksud ibu.
- ²⁶ *Pantaran* bermaksud kawasan beranda rumah.
- ²⁷ *Indung* bermaksud ruang tamu rumah.
- ²⁸ *Angkab* bermaksud tempat tidur anak dara yang terletak di bahagian atas rumah.
- ²⁹ *Serudung* bermaksud dapur dan terletak di bahagian paling belakang rumah.
- ³⁰ *Diak ruma* bermaksud bawah kolong rumah.
- ³¹ Francis A. Yong (67), pengumpul barangan antik dan barangan tradisi, Bukit Padang, Kota Kinabalu.

